

Iklan hari raya USIM diminati

SEREMBAN 5 Ogos - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menghasilkan iklan Hari Raya Aidilfitri bagi menyemarakkan lagi perayaan tersebut, sekali gus mahu bersama-sama syarikat korporat lain turut berbuat berbuat demikian sebelum ini.

Pengarah Pusat Komunikasi Strategik (StraComm) USIM, Dr. Faizal Kasmani berkata, iklan berjudul 'Dua Lebih Baik' yang mula dimuat naik ke dalam laman YouTube pada 21 Julai oleh pihaknya telah mendapat perhatian pengguna media sosial sehingga ke hari ini.

"Iklan tersebut kini berada dalam senarai 10 iklan hari raya yang menjadi 'trending' di laman sosial berdasarkan tinjauan dibuat oleh portal berita online Astro Awani mulai 26 Julai lalu.

"Walaupun tidak ditayangkan di televisyen, ternyata kemudahan melayari laman media sosial seperti Facebook, Twitter dan Instagram menggunakan telefon pintar oleh pengguna kini terbukti memberi pengaruh yang besar," katanya di sini hari ini.

Tambah Faizal, iklan hari raya yang diterbitkan oleh syarikat korporat seperti Petronas, Tenaga Nasional Berhad, Telekom Malaysia dan stesen-stesen televisyen yang memaparkan pelbagai mesej melalui jalan cerita lucu, sedih dan berunsur kekeluargaan turut menjadi perhatian serta mempunyai peminat tersendiri sejak dahulu.

"Ini menunjukkan bahawa, iklan hari raya sama ada diterbitkan dalam televisyen mahupun media sosial, ia sering dinanti-nantikan

rakyat negara ini sebagai impak serta nostalgia pada suasana perayaan ini," katanya.

Beliau juga menambah, iklan hari raya lain yang turut mendapat perhatian dan digemari oleh penonton sepanjang Aidilfitri ini adalah Kosong-Kosong: Zizan Rizak (Astro); Anugerah (RTM); Sentiasa Bersamamu (Tenaga Nasional); Proton Sepanjang Raya (Proton); Adik (Telekom Malaysia); Nissan 2015; Kosong-Kosong: Lisa Surihani (Astro).

Menurutnya, tinjauan di laman Astro Awani sehingga 12 tengah hari tadi mendapati iklan raya terbitan USIM kekal mendahului pada kedudukan pertama (35.41%), diikuti Sentiasa Bersamamu (34.24%) dan Adik (12.95%) hasil undian penonton.

"Dua Lebih Baik yang dihasilkan oleh sekumpulan penuntut kreatif USIM yang menamakan produksi mereka Light Motion Production (LMP) mendapat kerjasama teknikal Pusat Komunikasi Strategik.

"Ia memaparkan keinginan seorang pemuda yang berusaha gigih melakukan pelbagai kerja untuk membeli sepasang baju Melayu idamannya untuk dipakai pada 1 Syawal sebagai tema utama.

"Pelbagai cabaran dihadapi dengan tabah dan akhirnya upah diterima menjadi nikmat rezeki dikongsikan bersama dengan mereka yang kurang bernasib baik supaya kegembiraan Aidilfitri dapat dirasakan oleh semua. Itulah jalan ceritanya," katanya.

Faizal berkata, pihaknya tidak menduga iklan dihasilkan itu menjadi kegemaran penonton.